

Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM

Najah Nadiyah Amran¹ & Hamdi bin Ishak²

Email: ¹najah@ukm.edu.my, ²hamdi@ukm.edu.my

Kedua-dua penulis ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah

Abstrak

Service Learning (S-L) merupakan suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi yang telah menjadi amalan universiti terkemuka di dunia. Secara umumnya model S-L ini telah berkembang dan mengalami perubahan sejak tiga dekad yang lalu. Kajian-kajian yang dilakukan di barat menunjukkan S-L telah memberikan perkembangan yang menarik dan impak yang positif terhadap pelajar. Argumen dalam kertas kerja ini adalah: (1) model dan amalan S-L telah ada dalam al-Quran dan al-Sunnah dan merupakan sebahagian daripada tradisi ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran Islam. (2) S-L juga memberi impak yang komprehensif merangkumi aspek intelektual, emosi, karakter dan spiritual. Kajian ini dilakukan secara kualitatif berdasarkan nota refleksi responden yang terdiri daripada tiga orang pelajar Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan perkhidmatan kepada orang kurang upaya (OKU) semasa latihan industri. Dapatan menunjukkan perubahan dan impak positif dalam diri pelajar dalam aspek emosi, intelektual, karakter serta spiritual selepas mereka memberikan khidmat kepada OKU tersebut.

Kata Kunci: *Service Learning, orang kurang upaya (OKU), Latihan Industri*

Abstract

Service-Learning is listed as one of high impact educational practices in teaching and learning. It has been practiced by world ranking universities and the models themselves have developed and progressed in the last three decades. Studies on the practices of S-L in the west indicate interesting development and positive impacts of S-L on students in many ways. This article argues (1) S-L models and practices can be obtained from Muslim primary sources; the Quran and the Sunnah. (2) It also argues that the impacts of S-L on students are comprehensive; the changes include intellectual and emotional well-being, good character building as well as spiritual enhancement. Qualitatively, based on respondents' reflection notes, this article explores the experience of three undergrads from the Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia who served people with disabilities during their placement training. The result shows that the students experienced positive changes in term of their emotional well-being, logical thinking, character building and also spiritual achievement after their S-L with the disadvantaged.

Keywords: *Service-Learning, people with disabilities, placement training.*

1. Pengenalan

Universiti berperanan melahirkan graduan yang mampu bersaing di peringkat global. Aspek kecemerlangan graduan bukan lagi terhad kepada pencapaian dalam peperiksaan. Secara komprehensif pencapaian graduan dilihat merangkumi aspek akademik, skil, potensi, personaliti, pengalaman berpersatuan, khidmat, anugerah, bakat serta kemampuan dalam hubungan sosial, organisasi dan berpasukan. Jelasnya, kategori graduan yang diingini majikan, pasaran dan komuniti bercirikan pelajar '*deep learners*' (Ken Bain 2012), berkompeten (Adi-Irfan Che Ani et. al. 2014) serta memenuhi hasrat negara sebagai warganegara yang punya jati diri dan patriotisme (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025). Demi memenuhi hasrat tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan sepuluh strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berimpak tinggi untuk dilaksanakan dalam Pelan Pembangunan Strategi Pendidikan Malaysia 2015-2025. Antaranya amalan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), pendidikan mengenai kepelbagaian dan dunia global (*diversity and global learning*), pembelajaran melalui komuniti ataupun

berasaskan khidmat sosial (service-learning), projek kolaboratif, seminar, latihan internship dan lain-lain (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025).

2. Apakah itu Service-Learning?

Service-Learning (S-L) adalah kaedah PdP yang disenaraikan sebagai amalan PdP yang berimpak tinggi (HIEP - *high impact educational practice*) di universiti terkemuka dunia. S-L menggabungkan tiga elemen penting; a) objektif pembelajaran akademik, b) kemahiran interpersonal dan c) khidmat pelajar kepada masyarakat. Melalui S-L, pelajar dalam jurusan pengajian tertentu menabur bakti kepada masyarakat dan pada masa yang sama mereka belajar untuk menyelesaikan masalah komuniti, mencabar kelaziman pembelajaran dalam bilik kuliah. Bagi melahirkan graduan tempatan yang mampu bersaing di peringkat global serta memenuhi keperluan pasaran kerja negara, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah menggalakkan amalan S-L sebagai salah satu strategi PdP yang perlu dilaksanakan.

Pendekatan S-L telah lama diperkenalkan di Amerika Syarikat, Kanada, Britain dan Australia. Kajian mengenai amalan S-L di negara tersebut menunjukkan perubahan positif yang ketara di kalangan pelajar sejak ia dilaksanakan secara komprehensif di semua peringkat pengajian. Kurikulum pendidikan di negara-negara tersebut telah menekankan perlunya kerja sosial dan sukarelawan sebagai sebahagian elemen dalam kurikulum untuk diterapkan kepada para pelajar. Di Malaysia, pendekatan S-L masih lagi bersifat khidmat sosial yang terhad kepada elemen sukarelawan. Ia masih dalam proses awal diterjemahkan secara menyeluruh dalam kurikulum dan program fakulti secara terancang.

S-L lebih kelihatan menjurus kepada aktiviti ko-kurikulum yang tidak dikaitkan dengan jurusan pengajian pelajar. Segelintir beranggapan amalan S-L hanya untuk jurusan tertentu seperti kursus Perubatan, Sains Kesihatan, kejuruteraan dan Pendidikan. Natiujahnya, timbul persepsi di kalangan pengajar/pelajar dari gugusan jurusan lain bahawa S-L hanya terhad untuk mereka dalam bidang tertentu.

Konsep Service-Learning.

Pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) merupakan pendekatan pedagogi berkesan kerana ia membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan teori (kognitif) mereka yang diperolehi dalam kelas/kuliah kepada penyelesaian masalah dalam situasi dunia yang sebenar (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia: 2015). S-L termasuk dalam kategori kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman kerana ia menekankan pengalaman dan penglibatan sebenar di lapangan bagi memenuhi kehendak komuniti dan pada masa yang sama pelajar mengaplikasikan teori ilmu yang telah diperolehi dalam kuliah (Aliyu Deba, A., Jabor, M. K., Sukri Saud, M., & Buntat, Y. 2015). S-L merupakan hasil jaringan antara institusi pendidikan dengan komuniti/industri yang bertujuan menyubur dan melestarikan nilai kebertanggungjawaban sosial pelajar (Los Angeles County Office of Education, 2000).

Ada dua kerangka konsep asas S-L. Pertama, S-L diintegrasikan dalam kurikulum ataupun komponen kursus tertentu yang diambil oleh pelajar. Kedua, amalan S-L mementingkan perancangan masa yang berstruktur agar sepanjang proses kursus ataupun S-L dijalankan pelajar mempunyai ruang untuk membuat refleksi kepada pengalaman yang mereka sedang/telah alami (Los Angeles County Office of Education: 2000). S-L yang terancang ini akan menyumbang kepada kefahaman pelajar terhadap isi kandungan kursus, menggalakkan pelajar mencari solusi, menginterasikan idea dan corak berfikir serta melatih pelajar berfikir aras tinggi (Isabella Lizzul et.al 2015).

Justeru, S-L tidak sekadar aktiviti sukarelawan (Susan J Deeley. 2014). Ia adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran berstruktur dan menyeluruh di mana pelajar melalui proses pembelajaran (*learning*) dan pembangunan potensi diri (*personal development*) melalui penglibatan khidmat secara aktif, berstrategik dan tersusun dalam komuniti (*community service*) (Burns, 1998). Berdasarkan tiga definisi di atas, penyelidik menyenaraikan ada lima elemen yang penting yang dapat menjelaskan konsep S-L iaitu:

- a) S-L berkaitan dengan objektif kursus
- b) S-L dilaksanakan secara tersusun dan berstruktur
- c) S-L melibatkan pengalaman pelajar memberikan khidmat masyarakat di lapangan
- d) S-L menekankan kaedah dan pelaksanaan refleksi sama ada berstruktur ataupun tidak
- e) S-L memberikan impak kepada pelajar dan komuniti

Model-Model S-L

Model S-L dari barat telah bermula dan berubah sejak tiga dekad yang lalu. Model asas S-L bermula dari model berikut; *philanthropic* (kerja amal), *civic engagement* (penglibatan dalam masyarakat), *communitarian* (komuniti) (B. W. Speck and S.L. Hoppe 2004).

Heffeman (2001) menjelaskan terdapat empat lagi model S-L iaitu; *'Pure' S-L*, *Discipline-Based S-L*, *Problem-Based S-L (PBSL)*, dan *Capstone Courses* yang merangkumi khidmat, khidmat semasa Internship/latihan dan projek penyelidikan berbentuk kajian tindakan melibatkan isu komuniti.

Model S-L semakin berevolusi dan terdapat tiga model S-L terbaru yang popular di universiti-universiti di USA iaitu, Model Perkhidmatan-Pembelajaran Langsung (*Direct S-L Model*), Model Kajian Komuniti dan Penyelesaian Masalah (*Project Based S-L Model/ Community-Based Research*), dan *Hybrid Models* (Northeastern University Boston Service-Learning Model 2014). Model *Direct S-L* menyamai model *Pure S-L*. Manakala model Kajian Komuniti dan Penyelesaian Masalah (*Project Based S-L Model/ Community-based Research*) pula hampir menyamai *PBSL Model* dan *Undergraduate Community-Based Action Research*. Model Hibrid hampir menepati ciri-ciri model *Capstone Courses*.

Model *'Direct S-L'* dan *'Pure S-L'* merupakan model asas S-L di mana pelajar melaksanakan khidmat dalam komuniti sama ada aktiviti kesukarelawanan umum. Misalnya pelajar jurusan Sains Pemakanan mengendalikan aktiviti secara berkala dalam tempoh kursus tertentu di lapangan dengan mengajar ataupun membimbing remaja mengenai diet seimbang. Manakala model Project-Based S-L, melibatkan pelajar secara aktif untuk menyelesaikan masalah dalam komuniti. Contohnya, pelajar kejuruteraan berada di lokasi melaksanakan tugas menyelesaikan masalah perparitan di sebuah kampung. Manakala model ketiga iaitu model Hibrid pelajar secara kolaboratif bersama komuniti masyarakat setempat ataupun agensi. Pelajar mengambil peranan sebagai rakan kongsi serta melibatkan diri secara aktif. Mereka boleh juga melabur sejumlah wang dalam mengusahakan projek tertentu. Gambarajah 1 menunjukkan contoh model-model S-L yang telah mengalami perubahan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1970 an sehingga kini.

<i>Philanthropic</i>	<i>Civic Engagement</i>	<i>Communitarian</i>
<i>'Pure' S-L</i>	<i>Discipline-Based S-L</i>	<i>Problem-Based S-L (PBSL)</i> ,
<i>Capstone Courses</i>	<i>Service Internships</i>	<i>Undergraduate Community-Based Action Research</i>
<i>Direct S-L Model</i>	<i>Project-Based S-L/ Community-Based Research (CBR) Model</i>	<i>Hybrids Models</i>

Rajah 1: Perkembangan Model Service-Learning (1970 – sekarang)

Apakah Ada Model Service-Learning Dalam al-Quran dan al-Sunnah?

Terdapat beberapa kisah al-Quran dan sirah Nabi Muhammad menunjukkan bahawa S-L merupakan sebahagian daripada elemen PdP para Nabi yang telah lama dipraktikkan. Contohnya dalam Surah al-Kahfi (ayat 65-77) dan (ayat 82) dan Surah al-Qasas (Ayat: 25-29).

Nabi Musa AS bertemu seorang hamba Allah yang Salih bernama Khaidir AS. Baginda telah mengembara dan mengalami suatu pengalaman pembelajaran bermakna (*experiential learning*) sepanjang perjalanan tersebut.

Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami. Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku? (Q al-Kahfi: 65-66)

Kisah tersebut mengenai tiga insiden; Nabi Musa AS melihat rakan sepengembaraannya merosakkan sampan yang mereka naiki (Q al-Kahfi: 71-72), kemudian apabila tiba di satu daerah beliau membunuh seorang kanak-kanak (Q al-Kahfi: 74) dan semasa pengembaraan yang terakhir, mereka berdua telah membaiki tiang sebuah rumah yang hampir roboh (Q al-Kahfi 77). Usaha membaiki tiang tersebut merupakan satu bentuk khidmat (*service*), namun ada pembelajaran (*learning*) dan pengajaran (*lesson*) yang tersirat daripada tindakan

tersebut. Insiden yang terakhir ini menepati konsep khidmat semasa proses pembelajaran.

Dalam kisah Nabi Musa AS yang lain, baginda telah berkelana sehingga ke Madyan kerana kes pembunuhan seorang lelaki Qibti yang sebangsa dengan raja Fir'aun. Di Madyan, baginda telah bertemu dengan Nabi Shu'ayb AS. Al-Quran merakamkan dialog tawaran kerja daripada Nabi Syu'aib dan baginda diberikan tempoh 8-10 tahun untuk berkhidmat dan pada masa yang sama baginda mendapat didikan di bawah asuhan tarbiyah seorang Nabi (Q al-Qasas 25-29).

Selain kisah al-Quran, terdapat contoh daripada amalan Sunnah di mana dalam satu kisah Ummu Sulaym RA telah menghantar anaknya Anas bin Malik RA untuk berkhidmat kepada Rasulullah s.a.w. Kisah ini direkodkan oleh Imam al-Tirmidhi. Hampir sama seperti kisah perkhidmatan Nabi Musa a.s, Anas bin Malik RA mendapat asuhan daripada seorang nabi selama 10 tahun. Hasilnya Anas bin Malik RA menjadi seorang yang alim dan merupakan gedung hadith Rasulullah SAW.

Amalan Service-Learning Dalam Kursus Universiti Awam Malaysia

Amalan dan sejarah pelaksanaan S-L di barat membuktikan bahawa pendekatan S-L merentas jurusan pengajian. Malah ia sesuai dan boleh dilaksanakan oleh pelajar dari jurusan falsafah, agama, kejuruteraan, sains dan teknologi maklumat dan sebagainya. Asas teori dan pelaksanaan S-L di barat melihat kepada kepelbagaian pedagogi yang menghubungkan dua elemen asas iaitu khidmat kepada komuniti (service) dan pembelajaran akademik (learning). Interaksi antara ilmu pengetahuan (teori/kognitif) dan skil dengan pengalaman sebenar di lapangan merupakan kunci kepada pembelajaran. Argumennya adalah seseorang pelajar tidak mampu belajar secara efektif hanya dengan membaca buku dan belajar dalam kuliah. Tetapi beliau mampu belajar secara berkesan melalui pengalaman (Thomas Ehrlich, 1996). Pembelajaran berlaku apabila pelajar berfikir untuk menyelesaikan masalah dengan mengaplikasikan idea dan skil dalam pencarian solusi kepada masalah yang ingin ditangani (Ehrlich, 1996).

Di universiti awam Malaysia, amalan S-L dalam PnP masih baharu dan sedang dipopularkan dalam arus perdana akademik. Sungguhpun demikian, pendekatan S-L lebih banyak dikaitkan dengan aktiviti khidmat masyarakat secara umum (kesukarelawan/volunteerism/community service) dalam aktiviti ko-kurikulum. Pelajar melaksanakan program untuk komuniti secara umum tanpa mengaitkannya dengan kursus/bidang pengajian ataupun teori ilmu yang mereka telah perolehi di bilik kuliah. Aktiviti mereka pula cenderung kepada konsep program baktisiswa atau sukarelawan dan terhad pada satu tempoh tertentu sahaja (one off).

S-L berbeza dengan konsep aktiviti sukarelawan (Debra Abston Greenwood 2015). Namun ramai menganggap kedua-duanya serupa (Greenwood 2015). Perbezaan yang paling jelas antara S-L dan aktiviti sukarelawan adalah pada objektif S-L yang berkaitrapat dengan kursus ataupun subjek yang diambil oleh pelajar. Sebaliknya aktiviti kesukarelawanan mempunyai objektif program yang umum. S-L juga perlulah dijelaskan dalam silibus kursus bahawa memberikan khidmat komuniti adalah sebahagian daripada tugas dan penilaian (Debra Abston Greenwood 2015 dan Najah Nadiah Amran *et. al* 2016).

Terdapat beberapa fakulti ataupun sebilangan kursus tertentu telah mengaplikasikan S-L sebagai elemen dan pendekatan pembelajaran dalam kurikulum contohnya di UKM seperti Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengajian Islam dan Pusat Citra Universiti. Di UTM, Fakulti Kejuruteraan dan juga Pendidikan telah mempelopori amalan S-L (Mohd Fathi Adnan *et. al* 2013). Di USM, melalui kursus di Fakulti Perubatan sebagai persiapan para doktor dan pegawai perubatan untuk berkhidmat kepada masyarakat. Bagaimanapun, kursus tersebut tidak menonjolkan ataupun menyebut S-L sebagai kaedah p & p sekalipun ia telah lama dipraktikkan oleh para pensyarah. Terdapat kursus-kursus yang telah mengaplikasikan konsep S-L tanpa menonjolkan konsep S-L secara langsung. Contohnya aktiviti latihan amali dakwah dalam masyarakat majmuk, orang asal dan lain-lain yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar jurusan pengajian Islam di lokasi tertentu bagi memenuhi keperluan kursus yang mereka ambil. Selain itu sebilangan pelajar memilih agensi-agensi sosial dan kebajikan bagi memenuhi keperluan latihan industri ataupun program internship. Secara langsung, mereka telah mengaplikasikan pembelajaran secara Service-Learning semasa menyelesaikan latihan ataupun program tersebut.

Amalan Latihan Amali/Industri di Fakulti Pengajian Islam.

Semua pelajar fakulti diwajibkan mengikuti dan lulus Kursus PPPL1992 Latihan Amali/ Industri dengan nilai 2 unit untuk melayakkan mereka mendapat ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Kepujian

(Panduan Prasiswazah 2015, m.s.42). Unit tersebut ditulis dalam transkrip dalam bentuk gred tetapi ia tidak dikira dalam PNGK. Tempoh latihan selama 3 bulan (12 minggu) pada semester III semasa pelajar di tahun 2 pengajian. Penilaian diambil kira berdasarkan a. kehadiran kursus Pra penempatan (10%), b. Penilaian penyelia agensi (30%) c. Penilaian penyelia fakulti (30%) dan d. Laporan pelajar (30%). Objektif Latihan Industri adalah untuk melahirkan:

- Graduan beriman, bertakwa, mahir dalam bidang ilmu Islam dan berkebolehan mengaplikasikan dalam pentadbiran dan pengurusan.
- Graduan berakhlak luhur yang mahir berkomunikasi, boleh bekerjasama dan memiliki profesionalisme
- Graduan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah pentadbiran dan pengurusan dan berkebolehan membuat keputusan yang tepat
- Graduan mampu meneroka dan mewujudkan jaringan kerjasama dalam bidang pentadbiran dan pengurusan Islam

Service-Learning Dalam Latihan Industri

Pembelajaran berasaskan penglibatan dalam komuniti dan/bersama agensi termasuk dalam kategori S-L secara umum dan khusus. Dari segi asasnya, latihan industri ataupun internship berasaskan penglibatan dalam komuniti dan/bersama agensi dan juga berkaitan dengan objektif kursus, program ataupun fakulti merupakan salah satu komponen asas yang melengkapkan konsep S-L itu sendiri. Tambahan lagi latihan industri dilaksanakan secara tersusun dan berstruktur dengan menekankan tiga aspek berikut: i. pengalaman pelajar memberikan khidmat masyarakat di lapangan, ii. Menekankan pelajar membuat refleksi sepanjang berada di lapangan dan iii. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pelajar memberikan impak kepada diri pelajar dan kepada komuniti/agensi secara langsung.

S-L Kepada OKU

Orang kurang Upaya (OKU) merujuk kepada insan yang menghadapi kesukaran dalam hidup mereka kerana keperluan mereka berbeza dengan golongan tipikal lain. Terdapat beberapa istilah digunakan bagi merujuk golongan kurang upaya seperti orang kelainan upaya, golongan istimewa, golongan berkeperluan khas dan sebagainya. Menurut Akta OKU 2008, Orang Kurang Upaya bermaksud seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual dan panxcaindera, yang tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat apabila berhadapan dengan pelbagai halangan. (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2016).

Oleh kerana golongan OKU menghadapi kesukaran dalam hidup mereka, sewajarnya segala keperluan dan kebajikan mereka perlu diberikan perhatian agar mereka dapat berdikari dan mengembangkan potensi diri mereka. Menurut World Health Organization (WHO) dalam World Report On Disability (2011) kira-kira 15 peratus daripada populasi dunia terdiri daripada mereka yang menghadapi ketidakupayaan. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengkategorikan tujuh ketidakupayaan bagi tujuan pendaftaran iaitu: kurang upaya pendengaran; Kurang upaya penglihatan; kurang upaya pertuturan; kurang upaya fizikal; masalah pembelajaran; kurang upaya mental; dan kurang upaya pelbagai.

Pelajar-pelajar IPT perlu disedarkan dengan kewujudan satu golongan minoriti iaitu golongan OKU dalam masyarakat. Mereka perlu diperkenalkan dengan golongan OKU bagi menyuburkan dan melestarikan sikap tanggungjawab sosial mereka terhadap OKU. Kewujudan golongan OKU ini memberi kesan yang signifikan dalam masyarakat sesebuah negara kerana mereka adalah sebahagian daripada masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran sesebuah masyarakat.

3. Hasil Kajian: Latihan Amali Industri Pelajar FPI bersama OKU

Tiga pelajar Fakulti Pengajian Islam (dua orang pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki) telah melapor diri untuk latihan amali industri di salah sebuah agensi sosial di Selangor. Latihan mereka bermula pada 11 Julai 2016 dan berakhir pada 9 September 2016. Menjelaskan tugas-tugas khusus mereka di sana, pelajar A menggambarkan:

‘....antara tugas-tugas yang dilakukan di [...] seperti mencari maklumat dan membuat pembentangan kepada

pihak pengurus [...] berkenaan kanak-kanak istimewa dan perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. *Saya juga terlibat dengan pengajaran kelas al-Quran dan Fardhu Ain kanak-kanak istimewa sama ada kelas Ahad atau kelas harian dengan mengurus sekurang-kurangnya seorang pelajar. Saya juga membantu menyediakan bahan bantuan mengajar untuk kelas al-Quran dan Fardhu Ain kanak-kanak istimewa dan menyediakan bahan-bahan untuk menceriakan suasana persekitaran...*

Gambaran tugas khusus tersebut juga dihuraikan dengan lebih terperinci oleh pelajar B:

‘...setiap hari Ahad sesi pagi sahaja, bilangan pelajar agak bertambah dan memerlukan sukarelawan lain. Setiap daripada kami hanya memilih satu kategori kanak-kanak istimewa untuk dibentangkan atau dikongsikan pada hari ini. Saya diamanahkan berkongsi tentang *Slow Learner*. Sesuailah dengan saya kerana saya ditugaskan juga mengajar L iaitu seorang yang *Slow Learner*. Pada hari-hari biasa, saya ditugaskan mengajar F yang *Down Syndrome* pada Isnin sesi pagi, pada Selasa sesi pagi saya akan mengajar L sekali lagi. Ada kalanya juga, saya menggantikan cikgu-cikgu lain yang tidak hadir’.

Menjelaskan ilmu-ilmu baru yang dipelajari semasa menuntuni OKU, pelajar C telah berkongsi:

‘...saya dapat mengetahui tentang kepelbagaian kategori-kategori keistimewaan OKU ini serta mengendalikan mereka mengikut teknik atau kaedah yang sesuai bagi setiap kategori. Antara kategori kanak-kanak istimewa di sini seperti syndrome down, autisme, ADHD, disleksia, slow learner... Dengan mengetahui kategori keistimewaan mereka, saya belajar pula cara-cara ataupun teknik-teknik yang betul untuk mendidik mereka.’

Ketika ditanya mengenai aplikasi ilmu-ilmu di fakulti yang mereka telah terjemahkan dan laksanakan semasa latihan industri, pelajar C menyatakan:

‘...antara kursus di jabatan seperti Kursus Akhlak Dalam Al-Quran Dan Al-Sunnah yang diajar oleh Dr. Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad dan Dr. Hamdi Ishak. Di dalam subjek tersebut saya belajar mengenai akhlak terhadap golongan kurang upaya serta pengenalan tentang kategori-kategori golongan kurang upaya. Dengan itu, sedikit sebanyak dapat membantu saya membuat persediaan sebelum berhadapan dengan golongan seperti ini’.

Penjelasan pelajar C ini menarik kerana aplikasi ilmu di jabatan telah diimplimen secara langsung di lapangan dan sekaligus memenuhi hasrat dan objektif kedua latihan industri iaitu melahirkan graduan yang berakhlak luhur dan beretika.

Bagi Pelajar B Kursus Pengajian al-Quran dan Pengantar Qiraat yang diambil sebelum turun ke lapangan sangat berguna kepada beliau. Jelas menunjukkan kemampuan beliau mengaplikasikan asas-asas pengetahuan yang diperolehi dalam dewan kuliah ke pengalaman harian secara praktikal malah beliau akur keperluan untuk mengubah teknik-teknik pengajaran terhadap kanak-kanak istimewa supaya lebih bersesuaian dengan mereka.

‘...Pada pendapat saya, oleh kerana di sini kelas al-Quran dan fardhu ain, kursus yang berkaitan hanya la sedikit. Kursus Pengajian al-Quran dan Pengantar Qiraah yang menekankan aspek tajwid amat berguna dan penting. Tetapi, metode pembelajarannya sahaja yang berbeza’.

Impak S-L Bersama OKU Kepada Pelajar FPI

S-L menggabungkan objektif pembelajaran akademik, kemahiran interpersonal dan khidmat dan bakti pelajar dalam memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat (Susan J Deeley 2014) . Melalui S-L, pelajar menabur bakti kepada masyarakat dan pada masa yang sama mereka belajar menyelesaikan masalah komuniti. Ini mencabar kelaziman dan kebiasaan mereka belajar di dalam bilik kuliah. Dengan erti kata lain, pelajar menyelesaikan permasalahan komuniti dan pada masa yang sama mereka mengamalkan dan belajar untuk mempraktikkan teori kepada amali. Contohnya pelajar A menyatakan:

‘...Saya dapat belajar cara menagai masalah dan cabaran yang ada apabila mengajar anak-anak istimewa ini terutamanya kehendak yang mereka inginkan dan apa yang mereka tidak suka’.

‘...saya telah cabar diri saya untuk mencari cara yang betul bagaimana saya ingin mengajar mereka agar mereka dapat mengikutinya’.

Melalui S-L, pelajar boleh bekerja secara bersendirian, berpasangan, dalam kumpulan kecil, ataupun melibatkan setiap orang pelajar (Maznah Hj Ibrahim *et. al.*, 2014 dan 2015). Projek-projek S-L pelajar mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran rencam yang meninggalkan gaya pembelajaran

tradisional seperti pembelajaran sehala dan pasif, menghafal fakta-fakta untuk peperiksaan, pembelajaran terpencil dan juga ketidakmampuan pelajar mengaplikasikan pengetahuan ke dalam situasi baru. S-L memberi banyak kelebihan kepada pembelajaran bermakna (deep learning) serentak dengan itu pelajar mendapat pulangan praktikal, sama ada pembangunan personal dan potensi diri, jaringan sosial dan sebagainya (Kuh and O'Donnell 2013, Bartolome, Sarah. J. 2013 dan Hebert and Hauf 2015).

'...Sejujurnya dengan menjalani latihan industri di sini ia adalah pengalaman yang amat bermakna dalam hidup saya'. (Pelajar A)

'...saya mendapat ilmu yang baru di mana saya tidak pernah dapat di mana-mana tempat lagi'. (Pelajar C)

S-L juga dapat meningkatkan kecemerlangan akademik, memupuk sikap aktif dan kolaboratif, menghidupkan budaya kerja berpasukan yang interaktif sesama pelajar di kolej, fakulti, universiti dan komuniti (Kuh and O'Donnell 2013 dan Hebert and Hauf 2015). Pelajar A juga menyatakan bahawa antara pengalaman beliau di pusat tersebut:

'...membantu saya berkomunikasi dan bergaul dengan masyarakat setempat dengan mengenal tempat orang. Ia juga membantu saya berfikir kreatif, kritis dan inovasi terutamanya dalam menyediakan bahan bantu mengajar dan menceriaikan premis'.

S-L memberi impak besar kepada prestasi akademik pelajar. Ia juga meningkatkan skil kompetensi pelajar melalui aplikasi kerja berpasukan, berfikir secara kritikal, logik, kreatif dalam mencari solusi dan bersedia untuk berhadapan dengan cabaran. S-L juga menjadikan pelajar lebih profesional di samping menanamkan kesedaran sivik terhadap masyarakat (Shu-Fen Chiu. 2015). Jelas, S-L menghasilkan pelajar yang mempunyai memenuhi ciri-ciri 'deep learners'. Mereka bukan sahaja pelajar yang cemerlang akademik tetapi mendapat pengalaman bermakna dan mencari graduan yang memenuhi hasrat university, komuniti dan negara (Denby 2008, Mary Prentice & Gail Robinson: 2010, Ken Bain 2012 dan Najah Nadiyah Amran et. al. 2016).

Antara impak lain yang dikesan daripada aktiviti khidmat pelajar di pusat tersebut adalah keinginan dan motivasi baru setelah melalui pengalaman di agensi sosial tersebut. Antara komentar pelajar C seperti berikut:

'Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam kurang peka terhadap keperluan kanak-kanak istimewa. *saya dapat mempelajari banyak ilmu dan pengalaman yang sangat bermakna...saya dapat semangat baru setiap kali mengajar kanak-kanak istimewa.* Saya akan menceritakan kepada sahabat-sahabat saya tentang pengalaman yang berharga ini. Saya juga berhasrat ingin mendekati mahasiswa Fakulti Pengajian Islam dengan golongan seperti ini, kerana kebiasaannya mahasiswa Fakulti Pendidikan lebih cenderung melibatkan diri secara langsung bersama kanak-kanak istimewa. Hal ini kerana, terdapat bidang khusus di FPEND [Fakulti Pendidikan] seperti pendidikan khas. ... walau bagaimana pun, golongan ini juga memerlukan ilmu agama ... Pelajar-pelajar FPI adalah antara orang yang boleh memberi pendidikan agama kepada mereka'.

Mengenai perubahan karektor kepada bakal graduan UKM ini, pelajar A menyebut:

'...Saya perlu *banyak bersabar* dalam menguruskan mereka kerana sikap mereka yang tidak dapat dijangka'.

Pengalaman khidmat di pusat tersebut juga telah memberikan kesedaran mendalam kepada Pelajar B:

'...Saya dapat *muhassabah diri dengan bersyukur* dijadikan manusia normal. Walaupun tidak wajib ke atas mereka mempelajari ilmu agama di sini, tetapi mereka sangat suka dan minat untuk mempelajarinya. *Berbeza segelintir daripada kita yang normal tetapi kurang berminat dengan al-Quran dan ilmu fardu ain*'.

Pelajar B juga telah berkongsi bahawa beliau:

'...merasai kesedihan, kegembiraan dan luahan ibu bapa mereka. Ini sangat bermakna bagi saya. Susah senang, penat lelah dan suka duka mereka membuatkan saya kuat dan lebih semangat mengharungi kehidupan yang lebih mencabar selepas ini.

Jelas daripada nukilan di atas menunjukkan impak S-L tidak hanya terhad kepada pencapaian dan praktikal teori akademik dalam dan luar bilik kuliah. Ia melangkaui kepada perubahan ke atas karektor dan pemikiran pelajar tentang isu-isu yang melibatkan keinginan untuk menyumbang dengan lebih baik, bersabar menghadapi situasi yang tidak menyenangkan, berusaha mencari solusi terbaik, meningkatkan motivasi untuk lebih berusaha, bersyukur serta bermuhasabah. Ini menunjukkan impak S-L menyentuh hal-hal masyarakat, nilai kebertanggungjaban, etika dan akhlak yang luhur, budaya kerja yang positif dan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tugas dan amanah sehingga selesai dan berjaya.

4. Kesimpulan

Service-Learning (S-L) telah disenaraikan sebagai pendekatan Pengajaran dan pembelajaran berimpak tinggi. Ia telah menjadi amalan di universiti terkemuka dunia. Umumnya model S-L dari barat telah mengalami perkembangan dan perubahan sejak tiga dekad yang lalu. Kajian perlaksanaan di universiti-universiti barat menunjukkan perkembangan dan impak positif amalan ini di kalangan pelajar. Dua argumen kertas kerja ini, pertama, model dan amalan S-L telah ada dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ia merupakan sebahagian tradisi ilmu PDP Islam. Kedua, impak S-L besar mencakupi aspek intelektual, emosi, karektor dan spiritual. Kertas ini mengkaji pengalaman tiga pelajar FPI menyantuni golongan OKU semasa latihan industri. Dapatan menunjukkan perubahan dan impak positif dalam diri pelajar dalam aspek-aspek disebut selain mencapai objektif latihan industri itu sendiri. Refleksi daripada pelajar menunjukkan berlaku perubahan ketara kepada emosi, intelektual, karektor dan spiritual setelah mereka memberikan khidmat kepada OKU. S-L merupakan sebahagian daripada pendekatan PDP yang berasaskan daripada pimpinan wahyu al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. Secara umumnya S-L telah mendapat tempat di universiti terkemuka dunia sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran berimpak tinggi kerana kesan-kesannya kepada diri graduan. Kertas kerja ini menyimpulkan bahawa S-L turut diamalkan oleh universiti awam Malaysia seperti di Fakulti Pengajian Islam UKM berasaskan khidmat pelajar terhadap komuniti dan Latihan Industri merupakan salah satu ruang yang bermanfaat untuk melaksanakan amalan ini. Berdasarkan dapatan daripada refleksi pelajar, ternyata impak S-L sangat besar kepada diri pelajar kerana ia membawa perubahan baik dari segi aplikasi ilmu, pemikiran baru, penyelesaian masalah, pemupukan nilai-nilai sosial seperti nilai empati dan kebertanggungjawaban sosial. Oleh itu, kertas kerja ini mencadangkan agar konsep S-L dikaji secara lebih mendalam dan luas serta diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran. OKU merupakan golongan yang wajar disantuni oleh para pelajar khususnya pelajar dari jurusan pengajian Islam. Penempatan yang terancang dan tersusun di pusat-pusat khidmat sosial untuk OKU perlulah diberikan perhatian oleh pihak fakulti dan universiti supaya usaha lebih efektif dapat digambleng dan dijayakan.

Penghargaan: Artikel ini merupakan sebahagian dari penyelidikan bagi geran FRGS/1/2016/SSI09/UKM/03/4

Rujukan

- Ali Hébert & Petra Hauf. 2015. Student Learning Through Service Learning: Effects On Academic Development, Civic Responsibility, Interpersonal Skills And Practical Skills. *Active Learning in Higher Education*. March 2015 vol. 16, 1 37-49 [Accessed 26 April 2016]
- Aliyu Deba, A., Jabor, M. K., Sukri Saud, M., & Buntat, Y. (2015). Dilemmas Affecting The Integration Of Service-Learning In Technical And Vocational Education In Nigeria. *Asian Social Science*, 11(10), 1-11.
- Adi-Irfan Che Ani, Khaidzir Ismail, Azizan Ahmad, Kadir Ariffin dan Mohd Zulhanif Abdul Razak. 2014. A New Framework for Universiti Kebangsaan Malaysia Soft Skills Course: Implementation and Challenges. *International Education Studies*. Vol.7, No.8. m.s 1-10.
- Association of American Colleges & Universities. High-Impact Educational Practices. <http://www.aacu.org/leap/hips> (accessed on April 4, 2016).
- Bain, K. 2012. *What the Best College Students Do*. Cambridge: The Bellknapp Press of Harvard University Press.
- Bartolome, Sarah J. 2013. Growing Through Service: Exploring the Impact of a Service-Learning Experience on Pre service Educators. *Journal of Music Teacher Education*, 23(1), 79-91.
- Isabella Lizzul, Michael Bradley, Liz Di Giorgio, Rose Marie Äikäs, Sebastian Murolo, & Lana Zinger. 2015. The Impact of Service Learning on Academic Knowledge, Personal Growth, and Civic Engagement in Community College Students in *Journal for Civic Commitment* Vol. 23, March 2015 Queensborough Community College, USA.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2015. *Pelan Pembangunan Strategik Pendidikan Malaysia 2015-2025*. Putrajaya: KPT.
- Maznah Hj Ibrahim, Najah Nadiyah Amran, Adi Irfan Che-Ani and Khaidzir Hj. Ismail. 2015. Learning to Give and Learning to Receive - Building Connections through Green Campus and Recycling Ideas via

- Service Learning Project. Service Learning Conference 2015 School of Education, University of Notre Dame Fremantle Campus, University of Notre Dame Australia. Nov 27th - Nov 28th 2015
- Maznah Hj Ibrahim. 2014. Educating the Educators: Reflections Post Service Learning Projects. In Empowering Educators as Knowledge Creators. MARA International Teacher Training Institute (IALKM) and Kolej Professional MARA Bandar Melaka, 24-25 June 2014. http://www.academia.edu/8034806/Educating_the_Educator_Reflections_Post_Service-Learning_Projects. Assessed Sept 7, 2015
- Mohd Fathi Adnan, Azlan Abdul Latib, Shahrin Hashim dan Noor Syafafwati Mamat. 2013. Impak Kursus UTM dan Khidmat Komuniti Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. 2nd International Seminar on Quality and Affordabile Education. m.s 406-410.
- Najah Nadiyah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. 2016. Pendekatan Service-Learning Dalam Kursus Kemahiran Insaniah: Transformasi Positif Pelajar Dalam Kalangan Pelajar UKM-UNPAD. (Service-Learning Approach in Soft Skill Course: Positive Transformation Amongst UKM-UNPAD Medical Students. Jurnal Personalia Pelajar 19.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2015. Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PUTRAJAYA: KPT
- Outcomes of an Academic Service-Learning Project on Four Urban Community Colleges. Available from: https://www.researchgate.net/publication/277581622_Outcomes_of_an_Academic_Service-Learning_Project_on_Four_Urban_Community_Colleges [accessed Apr 12, 2016].
- Shu-Fen Chiu. 2015. Service Learning, Workplace Probation and the Growth of the Spirituality. In Zafer Bekirogullari and Melis Yagmur Minas (eds) 2015. Procedia – Social and Behavioral Sciences. 5th ICEEPSY International Conference on Education and Educational Psychology. Volume 172: 17-23.
- Mary Prentice dan Gail Robinson. 2010. Improving Student Learning Outcomes with Service-Learning. Washington: American Association of Community Colleges.
- Rebecca A. Denby. 2008. The Impact of Service-learning on Students' Sense of Civic Responsibility. Monograph. Ontario: The University of Western Ontario.
- Mohd Yusof Husain, Seri Bunian Mokhtar, Asro Abdul Kamil dan Ramli Mustafa. 2010. Kemahiran Insaniah Dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah. The Regional Seminar on Science Technology and Social Science.
- Speck and Hoppe (Eds.) 2004. *Service-Learning: History, Theory and Issue*. Westport CT: Praeger.
- Kerrissa Heffernan. 2001. *Fundamentals of Service-Learning Course Construction*. RI: Campus Compact.
- Shelley Billig, Sue Root, and Dan Jesse. 2005. *The Impact of Participation in Service Learning on High School Students' Civic Engagement*. The Center for Information and Research for Civic Learning and Engagement. RMC Research Corporation. <http://www.servicelearningnetwork.org/wp-content/uploads/2014/09/WP33Billig.pdf> [Accessed on 14 April 2016] Journal for Civic Commitment http://www.who.int/disabilities/world_report/2011/report/en/
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2016. Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022. Putrajaya: MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.